

# Singapura perlu beri jaminan hadkan Aerostat

**Kuala Lumpur:** Singapura perlu memberi jaminan menerusi perjanjian dalam kalangan Komuniti ASEAN untuk menghadkan keupayaan Aerostat kepada perairannya, selain tiada unsur pengintipan dilakukannya.

Pakar Teknologi Geoinformatik dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Hasmadi Ismail, berkata keupayaan radar yang dimiliki Singapura kini mencukupi untuk memantau sempadan negaranya.

Beliau yang menyanggah alasan Singapura menggunakan Aerostat sebagai langkah keselamatan, berkata kepimpinan negara itu, sebaliknya harus menjaga sensitiviti Malaysia dan Indonesia sebagai komuniti ASEAN.

“Ini bukan isu pencerobohan baharu yang dikaitkan dengan Singapura. Umum mengetahui pesawat mereka sering terlajak sehingga ke ruang udara kita pada setiap sesi latihan.

“Namun, perkara itu sering diabaikan kerana dipercayai tidak mengancam keselamatan Malaysia. Berbanding Aerostat, penggunaan teknologi ini perlu dibatasi sebelum terlambat,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Mohd Hasmadi yang juga Leftenan Komander Pasukan Simpanan Sukarela (PSS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), berkata pertahanan Singapura cukup kukuh kerana memperoleh sokongan kuasa besar dan dilengkapi pelbagai teknologi canggih.